

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM
MARA DI HATI RAKYAT**

**SEKOLAH KEBANGSAAN MANONG, KUALA
KANGSAR**

WAKTU KETIBAAN : 5.30 PETANG

14 JUN 2016 (SELASA)

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam sejahtera

[salutasi]

1. Alhamdulillah pertamanya marilah sama-sama kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya kita dapat sama-sama berkumpul dalam Pelancaran Program Mara Di Hati Rakyat pada hari ini. Mudah-mudahan belum terlambat untuk saya mengucapkan Salam Ramadhan buat hadirin sekalian. Diharapkan dalam bulan yang mulia ini kita semua dilimpahi barakah dan mendapat manfaat dalam setiap kebaikan yang kita lakukan.

2. Sebelum itu, eloklah kiranya sama-sama kita membacakan Surah Al Fatihah buat arwah Datuk Wan Khair-Il Anuar Bin Wan Ahmad, bekas Ahli Parlimen Kuala Kangsar yang telah terdahulu pergi meninggalkan kita, semoga rohnya dicucuri rahmat. Al Fatihah.

Y.Bhg Datuk / Datin Serta Hadirin Sekalian,

3. Umum mengetahui pengwujudan Majlis Amanah Rakyat (MARA) ini telah mencecah umurnya 50 tahun. Bahkan jika dikira dari sejarah bermulanya rida itu sendiri, usia organisasi yang cekal membangunkan modal insan bumiputera semenjak merdeka ini telah mencapai satu tahap kematangannya tersendiri. Justeru apakah mungkin masih ada generasi kita yang masih tercicir menikmati limpahan yang dijana melalui kerajaan ini?

Melalui penubuhan MARA, kerajaan berhasrat melahirkan lebih ramai profesional bumiputera yang bukan sahaja menerajui bidang pendidikan malah lebih daripada itu, kerajaan mempunyai aspirasi untuk melihat anak-anak melayu kita mempelopori bidang keusahawanan dan perniagaan.

4. Adalah penting bagi kita dalam menuju ke arah negara maju menjelang 2020, aspek pengukuhan program keusahawanan terutama di bawah mara menitik beratkan konsep penciptaan kekayaan, penciptaan peluang pekerjaan dan penciptaan peluang perniagaan yang menjadi teras di bawah konsep keusahawanan. Apa yang penting adalah kita akan dapat menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi.

Y.Bhg Datuk / Datin Serta Hadirin Sekalian,

5. Dengan kemudahan infrastruktur keusahawanan yang didokong pelaksanaan program yang berkesan melalui agensi-agensi terutama di bawah KKLW, ia pasti memberikan anjakan positif dalam membangunkan negara.

6. Bertepatan dengan tema pelancaran program kita pada hari ini, "MARA Di Hati Rakyat" saya suka untuk mengingatkan kita semua bahawa kejayaan yang kita kecapai pada hari ini merupakan satu agenda besar pemimpin-pemimpin kita terdahulu. Bayangkan betapa besar pengorbanan mereka dalam mengalihkan tembok pemisah yang menyebabkan majoriti kita berada di bawah kelompok yang sepatutnya.

7. Hari ini, kita lihat bukan sahaja bas MARA iaitu Maraliner masih kekal merajai laluan-laluan luar bandar, malah hampir 60 buah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) telah terbina hasil perjuangan ini dan ribuan tokoh yang kita kagumi telah terlahir dari institusi ini. Cuma, saya merasakan bahawa MARA perlu memperhebat pembangunan jaringan keusahawanan daripada bekas pelajar-pelajar mara untuk mengemudi satu pasaran yang besar dan berdaya saing. Ini adalah demi menjamin kelangsungan masa depan bangsa kita.

8. Kita masih bermatlamat melahirkan golongan peniaga yang mampu bertahan (*sustain*), sedangkan apa yang lebih penting lagi adalah melahirkan mereka yang mampu mengembangkan (*expand*) perniagaan dalam persekitaran ekonomi yang kian mencabar. Dari satu aspek, MARA harus memberikan penekanan kepada asimilasi bidang keusahawanan dan pendidikan dengan melahirkan golongan peniaga berilmu dan lebih berdaya tahan.

Y.Bhg Datuk / Datin Serta Hadirin Sekalian,

9. Pendekatan memupuk minat golongan muda seperti graduan-graduan di Institusi Pendidikan Mara (IPMA) serta sokongan melalui penganjuran pelajaran dalam bidang keusahawanan kini giat dilaksanakan melalui pelbagai insentif yang disediakan. MARA telah memperkenalkan pelbagai skim bantuan keusahawanan yang antara lainnya turut memberi fokus kepada graduan lepasan IPMA yang berminat untuk menceburi kerjaya dalam bidang keusahawanan.

Skim-skim bantuan perniagaan seperti Skim Perniagaan MARA (SEMAI), Program Usahawan Teknikal (PUTEK) serta PUTRA memperuntukkan pembiayaan perniagaan kepada graduan dengan misi untuk menggalakkan budaya berniaga di kalangan graduan MARA.

10. Jadi misi MARA dalam membudayakan keusahawanan ini bukanlah sesuatu yang remeh, malah ia perlu dilihat sebagai satu gerak kerja strategik melalui semua institusi berkaitan dengan MARA. Pendekatan inovatif merupakan kunci kepada kejayaan pelaksanaan ini.

Justeru tahniah diucapkan buat semua Institusi Pendidikan Mara (IPMA) yang mampu menjunjung misi keusahawanan ini.

Y.Bhg Datuk / Datin Serta Hadirin Sekalian,

11. Sesuai dengan pendekatan mara di hati rakyat, saya ingin memanjangkan ucapan tahniah kepada hampir 500 orang peserta yang berjaya menamatkan kursus dalam pelbagai bidang di bawah skim latihan 1malaysia kendalian giatmara. Apa yang penting, harapan saya supaya peruntukan yang diberikan oleh kerajaan ini, mencapai kepada sasaran atau touch points yang sebenarnya.

12. Biarlah berbaloi perbelanjaan tersebut, semoga pelatih-pelatih terutama masyarakat setempat dapat menggunakan kemahiran yang diperolehi untuk membangunkan potensi diri dalam bidang keusahawanan dan seterusnya menjadi pemangkin pembangunan ekonomi setempat. Biarlah kemahiran dianggap kecil, tetapi memberi impak yang besar kepada persekitaran kita. Hanya kita mampu mengubah hidup kita.

13. Seterusnya saya ingin menyeru kepada semua institusi pendidikan mara (ipma) agar mengambil peluang membangunkan jaringan kerjasama setempat antara institusi pendidikan tinggi dengan sekolah tempatan (di manong ini). Pelbagai inisiatif boleh diusahakan terutama melibatkan tuisyen rakyat oleh yayasan pelajaran mara, program sekolah angkat untuk kptm atau unkl serta lain-lain lagi. Justeru saya amat berbesar hati dimaklumkan bahawa ada sebuah sekolah di Manong ini bakal dijadikan anak angkat kepada salah sebuah institusi pendidikan mara (ipma). Harapan saya supaya inisiatif sebegini diperluaskan demi kebaikan anak bangsa kita dan semoga kita semua mendapat manfaat daripada inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Y.Bhg Datuk / Datin Serta Hadirin Sekalian,

14. Tanpa membuang masa lagi, saya dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim merasmikan Pelancaran Program Mara Di Hati Rakyat Peringkat Negeri Perak 2016.

Sekian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.